

UCAP UTAMA

IDENTITI BUDAYA MELAYU DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BUDAYA

*Prof. Dr. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya*

PERMASALAHAN

Kini, pembangunan industri budaya di peringkat negara dan global kian pesat. Fenomenon ini sebagai kesan perkembangan globalisasi ekonomi dan globalisasi budaya didapati semakin penting dalam mempengaruhi kehidupan anggota-anggota masyarakat. Bahan-bahan budaya dari industri budaya negara-negara maju dan tempatan tersebar luas dan amat mempengaruhi perkembangan budaya di negara ini amnya dan budaya Melayu khususnya. Senario itu sudah pasti membawa kesan kepada kedudukan budaya tempatan, dalam konteks ini budaya Melayu. Sedangkan budaya Melayu itu adalah menyatakan identiti masyarakat Melayu. Pembangunan industri budaya yang pesat menyebarkan bahan-bahan budaya yang dianggap moden dan maju selalu diperkatakan menjejaskan kedudukan atau membawa permasalahan kepada budaya Melayu dan seterusnya identiti Melayu. Kertas ini berusaha membincangkan permasalahan identiti Melayu berikutan dengan pesatnya pembangunan industri budaya kini.

KONSEP

Perkataan 'identiti' dirasakan membawa pengertian yang lebih menyeluruh berbanding dengan perkataan 'jati diri'. Jati yang menyatakan asli, asal, dalam konteks 'jati diri' difahamkan sebagai kekuatan diri berasaskan tradisi, sesuatu yang diwarisi atau keaslian pada diri itu. Identiti yang dimaksudkan dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada kekuatan diri yang dinyatakan berasaskan simbol, ikon, pengenalan atau tanda bagi masyarakat dan budaya, khususnya masyarakat dan budaya Melayu dalam perbincangan kertas ini. Konsep identiti membawa pernyataan pengenalan yang dinamik, yang menyatakan identiti masyarakat turut mengalami perubahan, menyesuaikan dengan keperluan samasa.

Konsep industri budaya secara mudah bermakna perusahaan mengeluarkan bahan-bahan budaya untuk pasaran. Unsur-unsur budaya yang dikomersialkan untuk pasaran dapat dianggap sebagai komoditi budaya. Perbincangan awal tentang

industri budaya secara akademik telah dikemukakan oleh Theodor Adorno dan Max Horkheimer pada tahun 1944. Mereka berpendapat pesatnyanya kepenggunaan budaya popular adalah berikutan dengan kegiatan perusahaan atau industri yang mengeluarkan dan menawarkan bahan-bahan budaya. Bahan-bahan budaya yang bersifat baku yang dikeluarkan oleh industri itu mempengaruhi orang ramai sebagai para pengguna iaitu mereka berpuas hati dan kurang menumpukan kepada kegiatan meningkatkan ekonomi. Adorno dan Horkheimer yang berpengaruh dalam Frankfurt School terpengaruh dengan *dialectical idealism Hegal* dan *dialectical materialism* serta *historical materialism* Karl Marx. Peranan industri budaya dianggap sebagai golongan kapitalis yang menekan kelas bawahan atau kelas pekerja.

Berbagai-bagai kritik juga didapati terhadap perkembangan industri budaya dan fenomena budaya popular itu. Misalnya, bahan-bahan budaya itu dianggap tidak bermutu, hanya mementingkan pulangan ekonomi, bahan-bahan itu membawa kesan-kesan sosial yang buruk kepada masyarakat dan bahan-bahan budaya itu boleh menjejaskan moral dan akhlak orang ramai. Walau bagaimanapun, penyebaran bahan-bahan budaya itu sebagai realiti dalam kehidupan masyarakat boleh juga dilihat peranan dan kepentingannya, misalnya industri itu dapat menggerakkan ekonomi, melahirkan golongan profesional dalam berbagai-bagai bidang, membawa perubahan budaya yang pesat dan menyalurkan nilai-nilai sosial dalam membawa masyarakat mengalami perubahan. Anggota masyarakat sebagai pengguna boleh memilih bahan-bahan budaya yang bersesuaian. Masyarakat memainkan peranan penting dalam mengawasi dan mendidik anak-anak untuk memilih bahan-bahan budaya yang baik.

INDUSTRI BUDAYA, BUDAYA POPULAR, DAN BUDAYA MASSA

Budaya popular ialah unsur-unsur budaya yang diminati atau diberikan tumpuan ramai. Unsur-unsur budaya itu menjadi bahan pengguna kepada majoriti anggota masyarakat. Golongan majoriti dalam sesuatu masyarakat itu pula adalah golongan muda mudi, maka budaya popular itu pula kerap kali didokongi oleh golongan muda mudi.

Budaya popular dalam masyarakat tradisi tidak tersebar luas, dan lebih menyatakan ciri kedaerahan. Dalam masyarakat moden, dengan pembangunan ekonomi yang pesat, kemajuan teknologi dan kemudahan-kemudahan asas yang baik membolehkan penyebaran unsur-unsur budaya popular itu tersebar luas. Perubahan yang berlaku itu memberikan peluang kepada pihak pengusaha untuk mengusahakan pengeluaran unsur-unsur budaya secara banyak untuk penyebaran yang meluas.

Usaha menawarkan unsur-unsur budaya secara komersial itu menjadikan unsur-unsur budaya sebagai bahan-bahan budaya seperti bahan-bahan pengguna yang lain. Bahan-bahan budaya sebagai komoditi budaya mempunyai nilai-nilai tambahan, iaitu nilai ekonomi. Komoditi budaya itu sebagai bahan-bahan pengguna tersebar luas di pasaran dengan harga yang mampu dibelanjakan oleh orang ramai. Industri budaya yang bermatlamatkan ekonomi, iaitu mencari keuntungan menawarkan bahan-bahan budaya mengikut cita-rasa budaya orang ramai, dan berusaha mendapatkan seberapa ramai para pengguna.

Bahan-bahan budaya yang ditawarkan secara meluas oleh industri budaya itu dapat muncul sebagai bahan-bahan budaya popular. Dengan kemudahan teknologi moden kini bahan-bahan budaya dapat dikeluarkan dalam kuantiti yang banyak (*mass produced*), dan ini dapat menawarkan bahan-bahan itu dengan kos yang rendah yang mampu diperolehi ramai. Bahan-bahan budaya itu juga dapat disalurkan melalui media massa dan dengan itu dapat meletakkan budaya popular mempengaruhi orang ramai dan seterusnya melahirkan budaya massa.

Pembangunan industri budaya didapati memainkan peranan penting dalam pembinaan budaya popular dan budaya massa. Pengusaha industri budaya berusaha meningkatkan kegiatan ekonominya. Oleh itu, bahan-bahan budaya yang ditawarkan itu sentiasa berubah, menyesuaikan dengan cita rasa budaya orang ramai yang sentiasa berubah dalam mereka mengejar sesuatu yang moden dan baru. Pengusaha industri budaya berusaha menawarkan bahan-bahan budaya yang boleh menjadikan bahan-bahan budaya itu sebagai bahan-bahan budaya popular.

IDENTITI MELAYU DAN KEMELAYUAN

Budaya tradisi atau budaya warisan Melayu dengan jelas melambangkan kekuatan identiti Melayu. Warisan budaya yang telah sekian lama terbina, sebagai identiti dapat difahami dalam konteks budaya simbolik, iaitu pernyataan budaya yang membawa makna dan kepentingan tersendiri kepada masyarakat Melayu. Melalui anggota-anggota masyarakat membina dan mempertahankan semangat kekitaan. Mereka sebagai kelompok orang kita, berusaha pula mempertahankan identiti dari satu generasi kepada satu generasi. Identiti dapat dianggap sebagai alat dalam menyatukan anggota-anggota kelompok. Melalui anggota-anggota kelompok membina kesedaran dan semangat kekitaan yang kuat.

Identiti budaya sesuatu masyarakat itu dibina dari dalam kelompok, bukannya gambaran yang diberikan oleh orang luar. Walau bagaimanapun, orang luar selalu pula memberikan gambaran atau image tersendiri tentang sesuatu masyarakat itu, misalnya berasaskan prasangka yang negatif. Misalnya, terdapat banyak tulisan yang dikemukakan oleh orang-orang Barat semasa pemerintahan kolonial dahulu yang memberikan gambaran atau imej yang kurang baik tentang orang Melayu. Orang Melayu dikatakan malas bekerja, suka berpoya-poya, pengotor, suka bergaduh dan suka berjudi. Gambaran atau image yang dibina oleh orang-orang luar tentang orang Melayu itu, dengan niat atau kepentingan tertentu atau prasangka buruk bukanlah merupakan identiti Melayu yang sebenar.

Terdapat tulisan-tulisan akademik yang berusaha mengemukakan identiti Melayu. Namun, itu merupakan usaha untuk melihat Melayu dalam konteks sejarah perkembangan peradaban Melayu. Bertolak daripada berusaha mencari makna atau pengertian Melayu, siapakah orang Melayu itu dan penyebaran kelompok Melayu sehinggalah kepada usaha mencari asal usul unsur-unsur budaya Melayu. melalui proses difusi budaya, tidak menunjukkan keadilan dalam menerangkan identiti Melayu. Ada kala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis kolonial dahulu dengan jelas menyatakan orang Melayu tidak mempunyai sejarah peradabannya, dan identiti itu dapat memberikan gambaran atau image Melayu yang berada dalam serba kekurangan/kelemahan. Apakah dengan tidak dapat mencari atau menyusur galur Melayu dan kemelayuan, orang Melayu tidak mempunyai identiti?

Orang-orang Melayu yang telah sekian lama membina sejarah, sejak zaman prasejarah adalah tidak wajar untuk menyatakan mereka tidak mempunyai sejarah peradaban yang tinggi. Konsep Melayu dan kemelayuan adalah merujuk kepada penduduk asal di alam Melayu ini, yang mewarisi budaya yang sama dan telah bersama membina peradaban sekian lama. Melayu itu terdiri daripada berbagai kelompok kecil dengan sub-budaya tersendiri. Kekuatan Melayu dapat dinilai daripada kepelbagaian suku kaum yang menduduki alam Melayu ini dengan kepelbagaian sub-budaya, tetapi tetap merupakan kesatuan sebagai satu kelompok yang besar mewarisi satu tradisi budaya dari segi sejarah, dan itulah identiti Melayu dalam konteks yang luas.

IDENTITI MELAYU DALAM SEJARAH PERADABAN MELAYU

Orang Melayu sentiasa mempertahankan identiti budaya sepanjang sejarah peradaban Melayu itu. Malahan dalam membincangkan tentang peradaban Melayu bermakna kita memperkatakan tentang kematangan dan kekuatan identiti budaya Melayu. Sejarah perkembangan budaya Melayu itu dapat dikesan sejak zaman pra-sejarah, beratus ribu tahun yang lalu. Proses evolusi budaya yang berlaku sekian lama telah membina peradaban Melayu yang mantap dengan identiti budayanya sebagai warisan budaya Melayu.

Kemantapan budaya Melayu dan kemelayuan dalam peradaban Melayu tidak dapat dinafikan. Apabila budaya Melayu bertembung dengan peradaban yang datang dari luar, seperti peradaban India, China, Islam dan kemudian kolonial, orang Melayu mampu mempertahankan identiti budaya Melayu. Apabila berlaku pertembungan antara budaya, maka berlaku proses difusi budaya. Orang Melayu menerima pengaruh budaya yang dibawa dari India pada peringkat awal, bagi mengisi keperluan tempatan. Walau bagaimanapun penerimaan unsur-unsur budaya dari peradaban asing itu dilakukan dengan sebaiknya, melalui proses penyesuaian. Dengan itu, orang Melayu mampu terus mempertahankan identiti budayanya. Keadaan yang sama juga berlaku apabila kedatangan pengaruh Islam. Islam membawa perubahan penting kepada budaya Melayu, Islam membawa pembaharuan, kemodenan dan seterusnya meningkatkan peradaban Melayu ke kemuncak kecemerlangan. Islam mempengaruhi keseluruhan cara hidup atau budaya Melayu. Namun, orang Melayu tetap mempertahankan dan memperkukuhkan identiti Melayu. Segala unsur budaya tradisi atau warisan disesuaikan dengan kehendak dan keperluan Islam. Dalam proses penyesuaian itu, orang Melayu melakukan perubahan, tetapi mampu mempertahankan identiti budayanya. Islam membawa perubahan penting dalam bidang pemikiran, falsafah dan logika yang berkaitan dengan kehidupan yang berlandaskan kepada rasionaliti. Islam menjadi teras budaya Melayu, dan Islam adalah teras kepada identiti Melayu.

Proses difusi budaya, penerimaan dan penyesuaian unsur-unsur budaya dari India dan Islam adalah berasaskan kepada kepentingan agama. Peranan dan kepentingan agama adalah sebagai asas bagi orang Melayu menerima dan menyesuaikan unsur-unsur budaya dari luar itu, tetapi masyarakat juga menyedari kepentingan identiti dalam memperkukuhkan ikatan sebagai orang kita atau semangat kekitaan. Para sarjana bersetuju bahawa peranan bijak pandai tempatan (*local genius*) amat penting dalam mempertahankan dan memperkukuhkan identiti Melayu itu apabila bertembung dengan peradaban asing itu. Dalam proses penyesuaian dengan unsur-unsur budaya asing itu, bijak pandai tempatan mempunyai daya kreatif yang tinggi dalam mempertahankan identiti itu. Bijak pandai tempatan itu termasuklah pemimpin-pemimpin, tukang-tukang, guru-guru, penulis-penulis, dalang, pemain-pemain, dan orang-orang tua. Mereka itu menyedari peranan mereka dalam mempertahankan tradisi/warisan sebagai menyatakan identiti budaya. Mereka juga amat kreatif dan bijaksana dalam menerima perubahan, di samping itu mereka juga dapat mengekalkan identiti budaya.

BUDAYA KOLONIAL DAN IDENTITI MELAYU

Pemerintah kolonial British campur tangan dalam politik negeri-negeri Melayu atas kepentingan ekonomi, dan mereka berusaha pula untuk menjaga kepentingannya dalam berbagai-bagai lapangan. Atas kepentingan ekonomi, pemerintah kolonial turut berusaha membawa pengaruh bahasa dan budaya kolonial kepada penduduk tempatan. Dengan itu mereka dapat meletakkan kedudukan mereka, yang sentiasa dipandang tinggi dan dihormati penduduk tempatan.

Pemerintah kolonial berjaya menyebarkan pengaruh bahasa dan budaya kolonial itu kepada penduduk tempatan berasaskan ideologi bahawa segala yang dibawa dari Barat itu adalah moden dan maju. Ini mempengaruhi orang Melayu, terutama golongan elits tentang kekuatan peradaban Barat itu yang dianggap berperadaban tinggi – dengan kemajuan teknologi dan ilmu moden. Menyalurkan pengaruh budaya kolonial kepada golongan elit dan bangsawan Melayu adalah suatu strategi kolonial yang penting untuk menyebarkan pengaruh budaya kolonial terhadap penduduk tempatan.

Penyebaran pengaruh budaya kolonial yang berpusat di bandar-bandar moden yang dibangunkan oleh pemerintah kolonial itu amat ketara. Berbeza daripada pengaruh budaya yang dibawa oleh agama sebelum ini, kolonial menggunakan strategi yang berasaskan kemodenan, misalnya dari segi ilmu sekular, dan teknologi moden. Pengaruh budaya kolonial itu turut disalurkan melalui sistem pendidikan sekular kolonial dan media massa yang mula berkembang di bandar-bandar moden itu.

Proses modenisasi dan urbanisasi yang berlaku di negara ini adalah berasaskan perancangan pembangunan kolonial. Perubahan dan pembangunan yang dibawa oleh budaya kolonial itu adalah perancangan strategi ekonomi yang penting. Pesatnya perkembangan pengaruh budaya, termasuk juga bahasa kolonial itu telah menimbulkan kebimbangan kepada orang-orang Melayu, iaitu golongan nasionalis. Perbincangan dan pendapat tentang kebimbangan disuarakan melalui akhbar-akhbar Melayu tempatan, terutama pada tahun-tahun 20an dan 30an. Mereka dapati pengaruh budaya kolonial membawa kesan terhadap budaya Melayu, iaitu budaya Melayu semakin dipinggirkan dan ini akan menjejaskan identiti Melayu. Budaya Melayu dilihat sebagai tidak maju dan moden, ketinggalan zaman berbanding dengan peradaban yang dibawa oleh kolonial itu. Budaya Melayu tradisi/warisan itu dapat bertahan di peringkat kampung, sebagai budaya kaum tani. Kampung Melayu atau kaum tani Melayu adalah kelompok mempertahankan identiti Melayu. Tradisi budaya Melayu yang pernah berkembang sebagai budaya istana, seperti mak yong kini tersebar di peringkat kampung. Tradisi budaya tani Melayu atau *folk culture* itu mempertahankan identiti Melayu dalam konteks budaya tradisi atau warisan.

KAPITALISME DAN BUDAYA

Perkembangan ekonomi kapitalis yang dibawa oleh pemerintah kolonial di negara ini turut mempengaruhi perkembangan budaya Melayu. Penyebaran budaya kolonial di bandar-bandar moden itu dapat dilakukan dengan berkesan apabila bahan-bahan budaya itu diperdagangkan. Peringkat awal perkembangan bandar-bandar moden kolonial telah menampakkan nilai-nilai tambahan, iaitu nilai-nilai sosial dan ekonomi diberikan kepada unsur-unsur budaya. Ini adalah perubahan penting dalam perkembangan budaya kolonial itu, berikutan pesatnya perubahan ekonomi, sosial, pendidikan dan perkembangan sains dan teknologi moden. Berasaskan kegiatan ekonomi kapitalis bahan-bahan budaya mula menjadi bahan dagangan. Malahan penduduk bandar memerlukan pengisian hidup mereka dengan berbagai-bagai keperluan yang lebih tinggi, sebagaimana yang digerakkan oleh perkembangan ekonomi kapitalis, yang meliputi penawaran bahan-bahan budaya sebagai bahan-bahan pengguna moden.

Abad ke-20 semasa pemerintahan kolonial, bahan-bahan budaya yang ditawarkan secara meluas menjadikan fenomena budaya popular moden mendapat tempat yang semakin penting. Bahan-bahan budaya yang dikeluarkan oleh industri budaya barat tersebar luas di negara ini, dan mendapat tempat yang baik, terutama di kalangan golongan elit atau kelas menengah. Antara bahan-bahan budaya itu

termasuklah perhiasan diri, perhiasan dalam rumah, fesyen pakaian, hiburan, mainan, seni dan termasuk juga bahan-bahan bercetak.

Perkembangan dan perubahan budaya kolonial yang dianggap maju dan moden itu turut mempengaruhi perubahan budaya Melayu. Didapati unsur-unsur budaya Melayu turut menjadi bahan-bahan budaya yang diperdagangkan tetapi disesuaikan dengan perubahan. Antara aspek yang ketara mengalami perubahan ialah bidang seni dan hiburan. Contoh yang terbaik ialah persembahan bangsawan yang merupakan bahan budaya yang diperdagangkan oleh pengusaha-pengusaha yang berusaha mencari keuntungan. Bangsawan sebagai teater popular Melayu muncul sebagai budaya popular adalah berasaskan kepada nilai ekonomi yang diberikan kepadanya. Sebagai kegiatan ekonomi, pengusaha menawarkan bahan budaya itu bersesuaian dengan keperluan cita rasa budaya orang ramai. Kemudian piring hitam Melayu dan filem Melayu turut merupakan bahan-bahan budaya popular yang berkembang pesat dalam masyarakat Melayu yang berubah itu, yang ditawarkan secara komersial oleh pengusaha industri yang berkaitan.

Dalam perkembangan seperti yang dinyatakan di atas itu, perubahan pesat dilalui oleh budaya Melayu. Di satu pihak penyebaran bahan-bahan budaya kolonial dan satu pihak lagi ialah penyebaran bahan-bahan budaya Melayu. Perkembangan seperti itu boleh menjejaskan identiti Melayu, jika konsep identiti itu hanya tertumpu kepada unsur-unsur budaya Melayu tradisi yang masih dipertahankan di peringkat itu.

NASIONALISME DAN IDENTITI MELAYU

Semangat nasionalisme Melayu dapat juga dikaitkan dengan isu perubahan budaya yang pesat yang dibawa oleh pemerintah kolonial. Selain itu, isu bahasa dan Islam juga adalah sebahagian penting dalam membincangkan semangat nasionalisme Melayu itu. Orang Melayu mahu kembali kepada budaya tradisi bagi menyatakan kekuatan identiti Melayu. Konsep identiti yang dilihat dalam konteks itu adalah berasaskan kepada segala unsur budaya Melayu tradisional yang telah sekian lama diwarisi. Perjuangan itu bukan sahaja untuk memperkukuhkan identiti Melayu di peringkat kelompok Melayu, malahan untuk membina identiti negara. Atas kepentingan itu orang Melayu memperjuangkan pembinaan budaya kebangsaan apabila negara mencapai kemerdekaan. Budaya kebangsaan itu amat penting kepada orang Melayu sebagai simbol/lambang identiti Melayu dan juga negara.

Walau bagaimanapun masyarakat Melayu turut mengalami pembangunan yang pesat, perubahan yang berlaku dalam berbagai-bagai lapangan turut mempengaruhi perubahan budaya Melayu. Budaya Melayu itu amat dinamik, dapat menyesuaikan dengan perubahan. Oleh itu, identitinya juga turut berubah. Masyarakat Melayu menyedari bahawa budaya tradisi yang tidak sesuai dengan pembangunan dan pemodenan perlu disesuaikan atau diberikan imej atau gambaran baru. Dengan itu sesuatu identiti yang tidak sesuai dengan keperluan masyarakat semasa, maka perubahan perlu dilakukan.

GLOBALISASI BUDAYA

Apabila berlaku proses globalisasi ekonomi berikutan runtuhnya tembok dunia yang memisahkan blok kapitalis dan sosialis, maka negara-negara maju memainkan peranan penting dalam penguasaan ekonomi dunia. Kegiatan ekonomi mereka tersebar di peringkat global dan perkembangan seperti ini menjadikan negara-negara maju, terutama barat berkedudukan semakin kukuh, baik dalam ekonomi, budaya, sosial mahupun politik. Penyebaran kegiatan ekonomi negara-negara maju di peringkat global itu turut menyebarkan budaya mereka, termasuk

bahasa secara meluas dan menyeluruh. Barat yang telah kukuh pengaruhnya pada zaman pemerintahan kolonial dahulu telah meningkatkan pengaruh budaya dan bahasa Inggeris di peringkat global. Malahan dengan cara itu pula mereka dapat menyebarkan ideologi dan mempengaruhi pemikiran penduduk di peringkat global itu.

Proses globalisasi yang pesat itu telah menimbulkan pandangan bahawa dunia ini akan menjadi sebagai sebuah kampung (*global village*), yang merentasi sempadan. Pandangan ini menyatakan bahawa bahasa dan budaya yang terbina di peringkat global itu, akan sedikit demi sedikit memusnahkan atau mengecilkan peranan budaya tempatan. Keadaan ini seterusnya akan melenyapkan identiti bagi kelompok-kelompok kecil berikutan terbinanya budaya global. Sebenarnya pendapat yang dikemukakan itu tidak mungkin berlaku dalam realiti. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan bahasa Inggeris dan budaya Barat amat besar pengaruh kesannya kepada bahasa dan budaya tempatan. Keadaan ini diperkukuhkan oleh kekuasaan ekonomi, teknologi dan ilmu dalam berbagai bidang yang telah dicapai oleh negara-negara maju itu. Sebaliknya, dalam realiti penyebaran dan perkembangan globalisasi budaya itu turut memainkan peranan dalam menimbulkan kekuatan semangat nasionalisme tempatan, untuk memperkukuhkan identiti masing-masing.

Malaysia sebagai sebuah negara yang terlibat dengan arus perkembangan budaya global itu, turut merasai kesan. Orang Melayu menyedari identiti mereka akan tergugat dengan berlebihan terdedah dan menerima penyebaran budaya global. Sebagaimana berlaku semasa pesatnya penyebaran budaya kolonial, orang Melayu kembali berusaha mempertahankan dan memperkukuhkan identiti mereka, misalnya dengan menonjolkan unsur-unsur budaya tradisi dalam kehidupan masyarakat Melayu moden.

INDUSTRI BUDAYA GLOBAL

Negara-negara maju, terutama Barat merupakan pusat pembangunan industri budaya dan bahan-bahan budaya atau komoditi budaya mereka tersebar secara global. Keadaan itu bukan sahaja memberikan pulangan ekonomi yang baik kepada mereka, malahan mampu mempengaruhi ideologi mereka kepada negara-negara yang sedang membangun. Di samping itu mereka juga berjaya memupuk nilai-nilai sosial yang meluas dan mampu menyebarkan pengaruh politik mereka. Kegiatan industri budaya mereka dapat ditingkatkan pembangunan dengan kedudukan ekonomi yang kukuh, di samping itu kemajuan teknologi dan ilmu meletakkan industri budaya negara-negara maju itu sangat berpengaruh di peringkat global. Penawaran bahan-bahan budaya dengan jenama-jenama popular menjadikan bahan-bahan budaya itu sebagai fenomena budaya popular global.

Antara penawaran bahan-bahan budaya pengeluaran daripada industri budaya itu yang juga merupakan bahan-bahan budaya popular, termasuklah,

- Perhiasan diri
- Perhiasan dalam rumah
- Fesyen
- Pakaian
- Makanan, minuman
- Hasil seni
- Mainan
- Hiburan
- Ubatan

- Penawaran bahan-bahan budaya sebagai budaya massa – media elektronik seperti tv, radio, internet dan sebagainya. Media cetak, buku-buku, majalah dan sebagainya.

Bahan-bahan budaya itu merupakan keperluan manusia yang lebih tinggi. Walaupun bahan-bahan pengguna itu merupakan keperluan asas, tetapi penawaran bahan-bahan pengguna itu turut membawa bersamanya aspek budaya.

Bahan-bahan budaya keluaran industri budaya global itu membawa bersamanya nilai-nilai sosial, iaitu sebagai simbol kemodenan, kemajuan, dan peradaban tinggi. Nilai-nilai itu yang dipupuk melalui iklan, promosi, jenama dan seumpamanya amat mempengaruhi nilai-nilai sosial tempatan. Penyebaran bahan-bahan budaya itu membawa tekanan terhadap unsur-unsur budaya Melayu tradisional. Perkembangan itu juga boleh dilihat sebagai persaingan kepada perkembangan budaya Melayu, terutama dalam penawaran bahan-bahan budaya di pasaran.

PROSES MODENISASI DAN URBANISASI MASYARAKAT DAN BUDAYA MELAYU

Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelaksanaan perancangan pembangunan pesat dilaksanakan oleh kerajaan. Berbagai-bagai kemudahan asas dilaksanakan di luar bandar, terutama untuk mengimbangi pembangunan bandar dan luar bandar. Berikutan dengan ini orang-orang Melayu yang majoriti tinggal di luar bandar sebagai kaum tani turut menerima kesan pembangunan yang pesat itu. Proses modenisasi dan urbanisasi turut meresap ke kawasan luar bandar/kampung.

Pembangunan kemudahan-kemudahan asas, seperti sistem perhubungan yang lebih baik antara bandar dan kampung, pembangunan pendidikan yang pesat di luar bandar telah memainkan peranan penting dalam membawa perubahan nilai dan sikap orang Melayu di luar bandar. Proses modenisasi dan urbanisasi turut membawa perubahan yang pesat terhadap unsur-unsur budaya Melayu tradisi/warisan. Selama ini kampung adalah benteng mempertahankan warisan budaya Melayu itu. Dengan perubahan yang pesat itu sebahagian besar unsur-unsur budaya Melayu tradisional diketepikan atau disesuaikan dengan keperluan baru. Apabila DEB dilaksanakan, ramai orang Melayu dari luar bandar berpindah dan bekerja di bandar-bandar. Dengan pelaksanaan DEB, proses modenisasi dan urbanisasi amat pesat mempengaruhi orang Melayu. Seterusnya mempengaruhi penyebaran bahan-bahan budaya moden semakin meluas. Industri budaya berusaha menyebarkan bahan-bahan budaya itu seluas mungkin. Penyebarannya itu pula turut memainkan peranan bagi mempengaruhi para pengguna mengalami proses modenisasi dan urbanisasi.

Perpindahan orang-orang Melayu dari kampung ke bandar dalam rancangan pembangunan DEB itu, bukan sahaja berlaku peningkatan proses urbanisasi, tetapi sebaliknya juga turut berlaku. Mereka dari kampung yang berpindah ke bandar turut membawa budaya warisan/tradisi dan disesuaikan pula dengan nilai-nilai bandar. Proses ini dapat dianggap sebagai usaha membawa dan mempertahankan identiti budaya Melayu di samping masyarakat Melayu itu mengalami perubahan.

INDUSTRI BUDAYA MELAYU

Di samping kepesatan penawaran bahan-bahan budaya dari negara-negara maju dalam proses globalisasi budaya itu, orang Melayu juga turut membangunkan industri budayanya. Pembangunan industri budaya Melayu itu tidaklah dalam konteks besar sebagaimana industri budaya negara-negara maju. Industri budaya

Melayu terbatas kepada pasaran yang tidak meluas, yang kerap kali dilakukan secara kecil-kecilan. Walaupun penawaran bahan-bahan budaya Melayu itu tidak mampu bersaing dengan penawaran bahan-bahan budaya dari negara maju, tetapi sudah mampu menawarkan bahan-bahan budaya sebagai pilihan bagi mengisi keperluan tempatan.

Pada peringkat awal, industri budaya Melayu yang berteknologi tinggi memerlukan kepakaran dan skil yang tinggi, seperti filem dan muzik adalah diusahakan oleh orang bukan Melayu. Orang Melayu, seperti artis dan mereka yang terlibat dalam industri itu hanya sebagai pekerja. Kemudian apabila teater popular iaitu bangsawan, berkembang pesat, orang Melayu mampu mengusahakan industri itu dengan baik. Kini, melalui pengalaman dan pendidikan, orang Melayu terlibat secara langsung dalam berbagai jenis industri budaya di negara ini. Terdapat dua kelompok industri budaya Melayu yang utama yang didapati sedang berkembang pesat.

Pertama, industri budaya Melayu yang menumpukan kepada bahan-bahan budaya moden iaitu berasaskan penawaran bahan-bahan budaya yang dibawa dari luar – antaranya termasuklah industri perfileman, muzik, fesyen, perhiasan, mainan dan industri hiburan yang lain. Industri budaya dalam kelompok ini melibatkan kepakaran yang tinggi, dan mereka lebih banyak mempelajari daripada perkembangan industri budaya seperti ini di negara-negara maju.

Kedua, industri budaya Melayu yang berasaskan kepada bahan-bahan budaya tempatan, yang merupakan kegiatan yang berasaskan unsur-unsur budaya tradisional Melayu. Walau bagaimanapun, penghasilan bahan-bahan itu mungkin tidak lagi mengikut kaedah tradisi. Sebagai industri, usaha itu dilakukan bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu itu sendiri, misalnya dengan menggunakan teknologi moden.

Antara bahan-bahan budaya tradisional yang mengalami perubahan, kini sebagai bahan-bahan budaya keluaran industri budaya termasuk;

Tekstil: batik dan songket – berusaha mengekalkan komponen tradisi, tetapi usaha yang dilakukan kini telah berubah, menyesuaikan dengan keperluan baru dan moden.

Kraf tangan: kini sebagai industri budaya, mempertahankan identiti tradisi, tetapi proses penghasilan telah berubah. Matlamatnya untuk pasaran. Misalnya, pertukangan kayu yang menggunakan peralatan moden, yang dapat menjimatkan masa dan kos.

Seni persembahan Melayu tradisional umumnya, tidak mampu muncul sebagai industri budaya yang berjaya. Terdapat usaha merakam dan menyebarkan persembahan-persembahan tradisi untuk pasaran. Misalnya, dikir barat yang disebarikan melalui CD, video dan seumpamanya.

Makanan: Terdapat berbagai-bagai jenis makanan Melayu tradisi yang diusahakan untuk pasaran dan eksport. Usaha itu dilakukan atas kepentingan komersial. Teknologi moden digunakan dalam industri itu.

Penjagaan kesihatan dan perubatan Melayu kini didapati kian popular. Matlamatnya ialah untuk pasaran, yang dikeluarkan dengan menggunakan teknologi moden.

Orang Melayu menyedari bahawa industri budaya dalam konteks bahan-bahan budaya Melayu tradisi, memerlukan proses penyesuaian dengan keperluan-keperluan moden, yang terpaksa menggunakan kaedah atau teknologi moden yang bersesuaian. Industri budaya Melayu terpaksa mempelajari daripada pengalaman kejayaan industri-industri besar dari negara-negara maju. Ini amat penting dilakukan bagi membawa kekuatan kepada identiti Melayu. Kejayaan industri budaya itu terpaksa mengambil kira tentang: pengurusan industri, mutu bahan yang

dihasilkan, penyelidikan – seperti tempoh ketahanan dan analisis kandungan, penyebaran dan pemasaran, serta promosi, iklan dan seumpamanya.

Industri budaya itu secara umumnya lebih banyak menumpukan kepada usaha meningkatkan pulangan ekonomi. Oleh itu, para pengguna bahan-bahan budaya itu merupakan perhatian utama kepada pihak pengusaha. Cita rasa budaya para pengguna itu pula dipengaruhi nilai-nilai sosial yang dipupuk melalui berbagai saluran media massa. Oleh itu, cita rasa budaya itu sentiasa berubah menyesuaikan dengan perubahan yang dilalui anggota-anggota masyarakat. Pengusaha industri budaya juga memerlukan sumbangan mereka yang pakar dan berkebolehan dalam bidang-bidang berkaitan. Usaha kreatif amat penting dalam menghidupkan industri budaya itu.

Para pengguna bahan-bahan budaya itu pula mempunyai kemampuan untuk membuat pilihan terhadap berbagai bahan budaya yang terdapat di pasaran. Mereka memerlukan bahan-bahan budaya itu untuk mengisi keperluan hidup yang lebih tinggi. Oleh itu, hubungan baik antara industri budaya dengan para pengguna sangat penting. Kedua-dua pihak memainkan peranan dalam membawa kepada perubahan dan kemantapan budaya.

KRISIS IDENTITI

Masyarakat Melayu berhadapan dengan tiga kelompok penawaran bahan-bahan budaya yang tersebar luas dalam kehidupan harian mereka. Pertama, penawaran bahan-bahan budaya dari negara-negara maju dalam perkembangan globalisasi budaya. Penawaran bahan-bahan budaya itu, disertakan dengan promosi yang baik yang meletakkannya pada kedudukan sosial yang baik. Kedua, penawaran bahan-bahan budaya popular Melayu pengeluaran industri budaya juga tersebar luas dan mendapat sambutan yang baik di kalangan orang ramai. Ketiga, bahan-bahan budaya yang berasaskan warisan tradisi budaya Melayu, tetapi disesuaikan dengan pembangunan dan kemodenan budaya selaras dengan perubahan cita rasa budaya orang ramai.

Penawaran bahan-bahan budaya yang merupakan lempahan terbesar industri budaya mempengaruhi kehidupan orang ramai, dengan jelas menunjukkan unsur-unsur budaya Melayu tradisi semakin diketepikan. Keadaan membimbangkan, iaitu akan mempengaruhi kehilangan atau kelemahan unsur-unsur budaya Melayu tradisional yang membawa kesan kepada identiti budaya Melayu. Di samping itu perkembangan industri budaya popular Melayu pula kurang memberikan penekanan kepada sifat-sifat kemelayuan tradisi. Golongan muda juga kurang menunjukkan minat terhadap unsur-unsur budaya tradisi.

Perkembangan seperti itu menampakkan suatu krisis dalam orang-orang Melayu mempertahankan identiti, iaitu mempertahankan warisan budaya. Krisis ini selalu dilihat sebagai memusnahkan atau mengurangkan kekuatan identiti budaya tradisi. Krisis identiti ini lebih menonjol berlaku di kalangan generasi muda, iaitu dalam menerima perubahan dan mempertahankan tradisi. Mereka dilihat sangat dipengaruhi bahan-bahan budaya yang dibawa dari luar. Malahan, terdapat pula kelompok golongan muda yang menumpukan kepada kelainan budaya (counter-culture). Walaupun kelompok ini merupakan minoriti tetapi kesan budaya itu didapati boleh menjejaskan identiti Melayu. Selalu diperkatakan bahawa generasi muda Melayu yang mudah dipengaruhi dengan perubahan itu akan menghadapi masalah dalam mempertahankan identiti budaya Melayu.

Permasalahan krisis identiti sebagaimana yang dinyatakan di atas itu bukanlah fenomena baru. Keadaan yang sama pernah dilalui orang Melayu semasa pesatnya pengaruh budaya kolonial dahulu. Malahan, dalam sejarah

perkembangan budaya Melayu, apabila berlaku pertembungan dengan budaya luar, orang Melayu berhadapan dengan krisis identiti.

Masyarakat Melayu mempunyai mekanisme tersendiri dalam menghadapi krisis itu. Melayu dan kemelayuan itu dapat dipertahankan melalui cara atau kaedahnya tersendiri. Identiti Melayu diperkukuhkan dari satu generasi ke generasi, dalam usaha membina rasa kekitaan di kalangan orang Melayu itu. Walaupun mereka peka dan menerima perubahan, tetapi mereka juga menyedari peranan dan kepentingan mempertahankan dan membina identiti budaya.

KOMODITI BUDAYA DAN IDENTITI MELAYU

Sumbangan industri budaya amat penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial. Industri budaya sebagai kegiatan ekonomi, turut memberikan pulangan ekonomi kepada negara, di samping menggerakkan ekonomi, misalnya dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada orang ramai. Penawaran bahan-bahan budaya itu dapat memupuk nilai-nilai sosial ke arah memberikan pengalaman orang ramai mengalami proses modenisasi dan urbanisasi. Bahan-bahan budaya itu turut memberikan sumbangan dalam pembangunan sosial.

Kritikan terhadap bahan-bahan budaya daripada industri budaya yang dianggap budaya popular itu, pihak pengusaha dikatakan lebih mementingkan pulangan ekonomi, kurang memberikan perhatian terhadap kepentingan agama dan sosial. Dalam hal ini masyarakat yang memainkan peranan penting dalam menentukan bahan-bahan budaya itu tidak menandatangani keburukan kesan sosial. Terdapat berbagai saluran dalam mengawal kesan-kesan buruk itu. Pihak pengusaha industri budaya itu menyedari batasan yang perlu dipatuhi bagi menjamin bahan-bahan yang dikeluarkan itu mendapat pasaran baik, misalnya dari segi moral, mutu dan kepentingan sosial.

Budaya Melayu amat dinamik yang menyatakan masyarakatnya pesat mengalami dan peka kepada perubahan. Peranan yang dimainkan oleh industri budaya itu amat penting dalam membawakan budaya Melayu dinamik. Bahan-bahan budaya yang dihasilkan oleh industri budaya itu sentiasa baru dan pesat mengalami perubahan, menyesuaikan dengan perubahan cita rasa budaya. Dalam proses perubahan dan penyesuaian itu, terdapat bahan-bahan yang bermutu tinggi dan dapat bertahan lama dalam masyarakat. Perubahan yang dilalui itu dengan jelas menyatakan masyarakat peka dengan perubahan dan kemodenan.

Identiti budaya juga dinamik yang mampu berubah menyesuaikan dengan keperluan masyarakat. Sebagaimana telah dinyatakan sebelum ini, identiti sebagai simbol, ikon, tanda, pengenalan dan pernyataan simbolik yang diberikan pengesahan oleh masyarakat memainkan peranan sebagai membina dan memupuk semangat kekitaan, perpaduan dan taat setia di kalangan anggota-anggota masyarakat. Masyarakat berusaha membina dan mempertahankan identiti yang membanggakannya, dan berusaha mengeneipkan identiti yang boleh memalukan atau merendahkan kedudukan masyarakatnya. Oleh itu, anggota-anggota masyarakat memainkan peranan penting dalam membawa perubahan kepada identiti yang tidak baik. Mereka berusaha mengatasi ke arah yang lebih baik atau membawa nilai-nilai positif. Misalnya, selama ini orang Melayu selalu diberikan gambaran kampung, dengan kegiatan ekonomi tani dan kedudukan ekonomi mereka sangat lemah berbanding dengan kumpulan-kumpulan etnik bukan Melayu. Mereka terpaksa berusaha mengubah identiti itu supaya mereka juga mampu menerima perubahan dan boleh mengubah identiti mereka. DEB telah membawa perubahan identiti Melayu dalam bidang ekonomi. Mereka turut membina identiti bahawa mereka juga mampu menerima perubahan bersesuaian dengan pembangunan dan kemodenan kini.

Sebagai kes dikemukakan beberapa perubahan identiti budaya Melayu tradisi menyesuaikan dengan perubahan semasa. Terdapat unsur-unsur budaya Melayu tradisional yang berkaitan dengan pemujaan terhadap semangat, makhluk ghaib atau berbagai jenis kuasa luar biasa. Fenomenon itu didapati tidak sesuai lagi untuk dianggap sebagai identiti budaya Melayu. Kemungkinan fenomena itu sesuai dalam menyatakan kepercayaan warisan dalam sejarah budaya Melayu. Tetapi fenomena itu boleh dijadikan simbol identiti dalam konteks penyesuaian dengan keadaan semasa. Selain itu, budaya material, atau teknologi Melayu tradisi boleh dianggap sebagai simbol peradaban Melayu masa lalu, walaupun kedudukan teknologi itu tidak lagi berfungsi hari ini. Peralatan itu sebagai simbol yang menyatakan identiti Melayu dahulu, tetapi bahan-bahan budaya Melayu kini telah banyak berubah. Orang Melayu mampu menghasilkan peralatan tradisi itu dengan menggunakan kaedah atau teknologi moden.

Identiti budaya Melayu menyatakan secara simbolik dan ekspresif nilai-nilai sosial Melayu, yang diberikan pengesahan oleh masyarakat Melayu itu sendiri. Walaupun identiti itu mampu berubah menyesuaikan dengan perubahan yang dilalui masyarakat, tetapi perubahan itu adalah berlandaskan kepada proses penyesuaian antara tradisi dan perubahan. Proses itu telah menjadi amalan dalam sejarah perkembangan budaya Melayu.

Identiti budaya Melayu sentiasa berteraskan kepada Islam. Sebagaimana telah dinyatakan bahawa budaya Melayu berteraskan kepada Islam, dan kepentingan ini telah dinyatakan dengan jelas dalam prinsip budaya kebangsaan. Dalam menerima warisan budaya Melayu, terdapat unsur-unsur budaya Melayu yang berasaskan kepada kepercayaan warisan terpaksa diubahsuai dengan kehendak Islam. Proses islamisasi itu berlaku secara berpanjangan, maka proses penyesuaian itu berlaku secara berterusan. Dengan itu identiti budaya Melayu diberikan pengesahan oleh masyarakat Melayu bahawa identiti itu bersesuaian dengan nilai-nilai Islam.

Identiti Melayu itu menyatakan jiwa dan raga Melayu. Identiti budaya itu dengan jelas membawa maksud hasil daripada pemikiran, kreativiti dan visi kehidupan orang Melayu dengan alam persekitarannya. Dalam kepesatan penyebaran bahan-bahan budaya yang dibawa oleh perkembangan industri budaya itu tidak akan menghilangkan identiti budaya Melayu. Orang Melayu sentiasa berusaha mempertahankan dan memperkukuhkan identiti budaya mereka, terutama dalam suasana mereka berhadapan dengan proses globalisasi budaya, iaitu dengan pesatnya lempahan bahan-bahan budaya keluaran industri dari negara-negara maju. Orang Melayu juga berusaha memperbaiki dan memperkukuhkan identiti budaya Melayu dalam menyatakan lambang/symbol kepada budaya kebangsaan Malaysia.

Dalam usaha memperkukuhkan identiti, unsur-unsur budaya tradisi yang masih berfungsi atau mempunyai nilai-nilai sosial yang sesuai dengan keperluan semasa dipertahankan. Unsur-unsur budaya tradisi yang dapat dianggap suatu simbol kekuatan identiti Melayu juga dipertahankan. Di samping itu, mereka juga menyesuaikan identiti budaya tradisi dengan perubahan yang pesat berlaku agar identiti budaya Melayu itu menyatakan kemajuan atau dinamiknyanya masyarakat Melayu itu. Perkembangan industri budaya Melayu yang menyatakan kemodenan masyarakat Melayu, yang dapat dianggap sebagai simbol kemajuan orang Melayu juga diterima sebagai identiti Melayu. Bahan-bahan budaya sebagai identiti budaya Melayu adalah diberikan pengesahan oleh masyarakat Melayu yang menyatakan kemelayuannya.

Didapati beberapa mekanisme yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang memainkan peranan penting dalam mempertahankan identiti Melayu.

Pertama, dalam masyarakat Melayu sentiasa terdapat golongan intelektual, golongan yang dianggap sebagai *local genius* atau bijak pandai tempatan yang

memainkan peranan penting dalam mempertahankan dan membina identiti budaya. Mereka ini terdiri daripada golongan berilmu, berkebolehan, mempunyai daya kreatif yang tinggi dalam bidang-bidang yang berkaitan, dapat memberikan sumbangan dalam membangunkan identiti budaya Melayu itu.

Kedua, golongan nasionalis dan pemimpin-pemimpin di semua peringkat juga memainkan peranan dalam mempertahankan dan membangunkan identiti. Mereka mampu menyampaikan dorongan ke arah pembinaan identiti budaya yang positif. Mereka memantau perkembangan bahan-bahan budaya yang bercanggah dengan nilai-nilai sosial dan Islam.

Ketiga, perancangan pembangunan kebudayaan kebangsaan yang diberikan perhatian oleh pihak pemerintah juga memainkan peranan dalam mendorong pengkalan dan pembinaan identiti budaya di peringkat negara. Kerajaan juga berusaha menggalakkan perkembangan industri budaya Melayu, baik secara besar-besaran mahupun secara kecil-kecilan yang dapat meluaskan penyebaran bahan-bahan Melayu sehingga ke peringkat global. Pihak berkuasa juga memainkan peranan dalam mengawal dan mengenakan tindakan terhadap bahan-bahan budaya yang tidak sesuai dengan masyarakat di negara ini.

Atas keperluan pembinaan budaya kebangsaan Malaysia, sebagai usaha ke arah perpaduan antara kaum, bermakna bahan-bahan budaya itu perlu mendapat tempat sewajarnya. Dengan itu juga dapat memperkukuhkan kedudukan identiti budaya Melayu.

Identiti budaya Melayu itu berteraskan kepada Islam. Ini menyatakan perubahan yang berlaku ke atas budaya Melayu tidak akan melampaui nilai-nilai Islam. Proses pembinaan identiti yang baru juga sentiasa memberikan perhatian kepada nilai-nilai Islam.

Rujukan

- Adorono, Theodor and Max Horkheimer, 1944, *The Culture Industry: Enlightenment As Mass Deception*. Routledge.
- Barnard, Timothy P. (ed.), 2004, *Contesting Malays*, Singapore: Singapore University Press.
- Cook, D. 1966, *The Culture Industry Revisited*, Rowman & Littlefield.
- Collins, Jim, 2002, *High Pop: Making Culture into Popular Entertainment*. Malden, Mass: Blackwell Publishers.
- Gullick, J.M. 1987, *Malay Society In The Late 19th Century*. Singapore: Oxford University Press.
- Harrington, C. Lee, 2001, *Popular Culture: Production and Consumption*, Oxford, UK; Blackwell Publishers.
- Hesmondhalgh, D. 2002, *The Cultural Industries*, Sage.
- Roff, William, 1967, *The Origins of Malay Nationalis*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Said, Edward W. 1994, *Culture and Imperialism*, New York: Vintage Books.

- Shamsul A.B. 1997, *Identity Formation in Malaysia*. Tonan Ajia Kenkyu, Vol. 34, No. 3 December 1996.
- Steinert, Heinz, 2003, *Culture Industry*, Cambridge: Polity Press.
- Storey, John, 2000, *Cultural Theory And Popular Culture: An Introduction*, New York: Prentice Hall.
- Strinati, Dominic, 2000, *An Introduction To Studying Popular Culture*, London, New York: Routledge.
- Wan Hashim Wan Teh, 1997, *Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Witkin, R.W. 2003, *Aforono on Popular Culture*, Routledge.